



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERSEPSI GURU TERHADAP PERUBAHAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA
INGGERIS DI SEKOLAH MENENGAH**

HAIRI BIN YAHYA

FPP 2006 10



Teristimewa buat isteri tercinta, HASNORA BT ISMAIL, yang sentiasa mendorong dan menyokong serta berkorban dalam perjuangan ini. Juga dedikasi kepada anak-anak tersayang;

Muhd Helmie Fiqrie

Muhd Husny Fahmy

Muhd Harith Fauzan

Izzah 'Atirah

Ilya Syakirah

Iffah Nabila

Salinan memori, pengorbanan kalian diabadikan dalam penulisan ini.



**PERSEPSI GURU TERHADAP PERUBAHAN
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SAINS DAN
MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS
DI SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

HAIRI BIN YAHYA

Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains

Julai 2006



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PERSEPSI GURU TERHADAP PERUBAHAN PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS DI
SEKOLAH MENENGAH**

Oleh

HAIRI YAHYA

Julai 2006

Pengerusi : Profesor Datin Sharifah Md Nor, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Era globalisasi telah mempengaruhi pendidikan di Malaysia. Penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik telah dilaksanakan bagi menghadapi suasana tuntutan baru dalam pendidikan. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau persepsi guru-guru yang terlibat dengan pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris berkaitan dengan dasar dan matlamat program tersebut.

Data telah dipungut daripada 110 orang guru Sains dan Matematik dari 18 buah sekolah menengah di daerah Temerloh, Pahang melalui soal selidik. Analisis deskriptif (frekuensi, peratus, min) dan inferensi (korelasi) digunakan bagi menganalisis data. Data diproses menggunakan perisian SPSS versi 11.5. Kajian mendapati bahawa guru memberikan persetujuan yang tinggi terhadap dasar dan matlamat pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.



Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa responden turut memberikan persetujuan yang positif terhadap kursus yang dihadiri, pengajaran dan pembelajaran, sokongan pengetua serta alat bantuan mengajar dalam melaksanakan perubahan tersebut.

Kajian juga mendapati bahawa persepsi guru terhadap kemahiran mereka dalam Bahasa Inggeris adalah sederhana . Terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah antara persepsi guru-guru terhadap matlamat pelaksanaan PPSMI dengan latar belakang guru. Hasil daripada kajian ini juga disyorkan diperbanyakkan kursus-kursus untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris serta meningkatkan kualiti perisian-perisian proses pengajaran dan pembelajaran.



Abstract of thesis Presented to the Sanate of Universiti Putra Malaysia as a partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science.

TEACHER'S PERCEPTION TOWARD THE TEACHING AND LEARNING SCIENCE AND MATHEMATICS IN ENGLISH AT SECONDARY SCHOOL

By

HAIRI YAHYA

Julai 2006

Chairman : Professor Datin Sharifah Mohd Nor, PhD

Faculty : Educational Studies

The era of globalization has great influence on education in Malaysia. As such the teaching of Mathematics and Science in English was implemented to face new challenges in education. This study is an attempt to explore teacher's perception towards the implementation of English in Teaching Mathematic and Science (ETeMS).

Data was collected from 110 Mathematics and Science teachers from 18 secondary schools in Temerloh, Pahang. Descriptive statistic analysis (frequency, percentage, min) and inferential statistic (correlation) were used to analyses data by using the Statistic Package for Social Science (SPSS) version 11.5.

The finding show that teachers gave a positive agreement toward the implementation of ETeMS. Similar results were obtained regarding teachers agreement toward the teaching and learning , in service training, the level of



support from principals and the teaching aids. ETeMS teacher's perceive their English Language proficiency as being at a moderate level.

There is a poor significant correlation between teachers background and the teachers perception towards the implementation of ETeMS.

Several suggestions are raised such as schools should provide in house training at school level to upgrade teachers proficiency in English. The quality of teaching courseware also need to be upgraded.



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah swt kerana dapat jua akhirnya menyiapkan tesis ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga terutama kepada jawatankuasa penyeliaan yang telah menjalankan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan efisien. Tunjuk ajar dan bimbingan daripada Prof. Datin Dr. Sharifah Md Nor, Prof Madya Dr. Bahaman Abu Samah sangat-sangat membanggakan. Ribuan terima kasih juga buat Puan Siti Suria Salim walaupun beliau bukanlah jawatankuasa penyeliaan.

Sekalung terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan kuliah Sosiologi Pendidikan, Azman Jamil, Aisah, Ali, Rozi ,Ramlan, Rahimah, Gita, Norazilah Hussin, Zarina, Faizah , Kak Long serta institusi-institusi seperti pihak Bahagian Pendidikan Guru, Bahagian Biasiswa, JPN Pahang, para Pengetua Sekolah-sekolah Menengah Daerah Temerloh, perpustakaan UPM, UM, UKM , JPPPL, serta mereka yang tidak disebutkan di sini. Semoga kalian terus sukses.

Akhir sekali, buat isteri tercinta Hasnora Ismail yang sentiasa memberi sokongan terutama detik-detik yang mencabar. Istimewa jua buat anak-anak tersayang Along Helmi, Angah Husny, Uda Fauzan, Kakak Izzah Atirah Ilya Syakirah dan Iffah Nabila. Doa kalian menguatkan semangat abah.



PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Pemeriksa bagi Hairi Yahya telah mengadakan peperiksaan akhir pada 31 Julai 2006 untuk menilai tesis ijazah Master Sains beliau yang bertajuk " Persepsi Guru Terhadap Perubahan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah" mengikut akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan-peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah tersebut. Anggota Jawatankuasa Pemeriksa adalah seperti berikut :

Ab. Rahim Bakar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ramlah Hamzah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Wan Zah Wan Ali, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Fatimah Saleh, PhD

Profesor Madya
Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
(Pemeriksa Luar)

HASANAH MOHD. GHAZALI, PhD

Profesor/Timbangan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 27 APRIL 2007



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Datin Sharifah Md. Nor, PhD

Profesor
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Bahaman Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, PhD

Profesor/Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 10 Mei 2007



PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis . Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.

HAIRI YAHYA

Tarikh : 27 April 2007



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Indeks Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	107
2	Ringkasan Kaedah Penganalisan Data	109
3	Taburan Latar Belakang Responden Mengikut Jantina, Tingkatan Diajar Bangsa dan Status Perkahwinan	114
4	Taburan Responden Berdasarkan Kelayakan Akademik Pengkhususan dan Pengalaman Mengajar	115
5	Taburan Peratusan Responden Berdasarkan Tingkatan Diajar, Kehadiran Kursus PPSMI dan Subjek Yang Diajar	116
6	Taburan Peratusan Responden Mengikut Persepsi Tahap Kemahiran Dalam Bahasa Inggeris	118
7	Jadual Kumulatif Persepsi Responden Terhadap Kemahiran Dalam Bahasa Inggeris	121
8	Taburan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Dasar dan Matlamat PPSMI	121
9	Jadual Kumulatif Persepsi Responden Terhadap Matlamat PPSMI	128
10	Taburan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran dalam PPSMI	135
11	Jadual Kumulatif Persepsi Responden Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran dalam PPSMI	136
12	Taburan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Latihan Dalam PPSMI.	139
13	Jadual Kumulatif Persepsi Responden Terhadap Latihan Dalam PPSMI.	140
14	Taburan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Sokongan Pengetua Dalam PPSMI.	143
15	Jadual Kumulatif Persepsi Responden Terhadap Sokongan Pengetua Dalam PPSMI.	144
16	Taburan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Alat Bantuan Mengajar dalam PPSMI.	147
17	Jadual Kumulatif Persepsi Responden Terhadap Bantuan Mengajar Dalam PPSMI.	148
18	Hubungan antara persepsi guru terhadap matlamat pelaksanaan PPSMI dengan latar belakang	149



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Model Perubahan Dalam Pendidikan Secara Keseluruhan, Fullan, M.G., 1982	45
2	Model Perubahan Dalam Pendidikan 'Dari Pengetahuan Hingga Tindakan', Miles dan Louise, 1990	49
3	Model Perubahan Dalam Pendidikan. Faktor Yang Menyebabkan Perubahan Tidak Berlaku, Schwab dan Spady, 1998	52
4	Gabungan Empat Model Perubahan Dalam Pendidikan	56
5	Rangka Konsep Kajian	99
6	Skala Pengiraan	110



JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

DEDIKASI	i
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii

BAB

I	Pengenalan	1
1.1	Latarbelakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	7
	1.3.1 Objektif Umum	7
	1.3.2 Objektif Khusus	7
1.4	Persoalan Kajian	8
1.5	Kepentingan Kajian	9
1.6	Batasan Kajian	12
1.7	Definisi Konsep dan Operasional	13
1.7.1	Persepsi	13
1.7.2	Perubahan	15
1.7.3	Pengajaran dan Pembelajaran	15
1.7.4	Guru	16
1.7.5	SMI	17
1.7.6	Sekolah Menengah	18
1.7.7	Pengetua	19
II	Tinjauan Kajian-Kajian Lepas	20
2.1	Pengenalan	20
2.2	Perubahan Pendidikan di Malaysia	20
2.3	Beberapa Pendapat Tentang Perubahan Dalam Pendidikan	24
2.4	Kajian Tentang Bentuk Perubahan Dalam Pendidikan	35
2.5	Model-model Perubahan Dalam Pendidikan	41
2.5.1	Model Perubahan dalam Pendidikan Fullan 1982	41
2.5.2	Model Perubahan dalam Pendidikan	



	Miles dan Louise, 1990	46
2.5.3	Model Perubahan dalam Pendidikan Schwahn dan Spady, 1998	53
2.5.4	Model Perubahan dalam Pendidikan, Waugh dan Godfrey, 1996	53
2.6	Rumusan Konsep dan Model Perubahan Dalam Pendidikan	53
2.7	Pengajaran Matematik dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah	57
2.8	Pengajaran Sains dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah	60
2.9	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)	63
2.9.1	Matlamat Pelaksanaan PPSMI	67
2.9.2	Latihan Kemahiran Guru PPSMI	68
2.9.3	Kemahiran Guru Dalam Bahasa Inggeris	70
2.9.4	Kesediaan Alatan PPSMI	71
2.9.5	Reaksi Awal Terhadap Pelaksanaan Dasar PPSMI	72
2.9.6	Kajian-kajian Awal Pelaksanaan PPSMI	75
2.10	Kajian-kajian Tentang Kegagalan Perubahan	78
2.11	Kajian-kajian Tentang Kepentingan Latihan Kepada Guru	82
2.12	Kemudahan Alat Bantuan Mengajar	88
2.13	Kajian-kajian Tentang Kepentingan Sokongan Pengetua	89
2.14	Kesimpulan	96
2.15	Rangka Konsep Kajian	98
III	METODOLOGI KAJIAN	100
	3.1 Pengenalan	100
	3.2 Reka bentuk Kajian	100
	3.3 Populasi Kajian	102
	3.4 Instrumen Kajian	102
	3.4.1 Bahagian A	103
	3.4.2 Bahagian B	104
	3.4.3 Bahagian C	104
	3.4.4 Bahagian D	105
	3.5 Keesahan Instrumen	105
	3.6 Kebolehpercayaan Instrumen	106
	3.7 Kaedah Pengumpulan Data	107
	3.8 Kaedah Penganalisan Data	108
	3.8.1 Ringkasan Kaedah Penganalisan Data	109
	3.8.2 Menganalisa Persepsi Guru Terhadap Kemahiran	

	Dalam Bahasa Inggeris	110
	3.8.3 Menganalisa Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan PPSMI	110
IV	DAPATAN KAJIAN	112
	4.1 Pengenalan	112
	4.2 Dapatan Kajian	113
	4.2.1 Latar belakang Responden	113
	4.2.2 Persepsi Guru Terhadap Kemahiran Dalam Bahasa Inggeris	117
	4.2.3 Persepsi Guru Terhadap Dasar dan Matlamat PPSMI	122
	4.2.4 Persepsi Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Dalam PPSMI	128
	4.2.5 Persepsi Guru Terhadap Latihan Dalam PPSMI	137
	4.2.6 Persepsi Terhadap Sokongan Pengetua Dalam PPSMI	140
	4.2.7 Persepsi Guru Terhadap Alat Bantuan Mengajar Dalam PPSMI	144
	4.3. Hubungan Antara Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan PPSMI Latar belakang guru	148
	4.4. Cadangan Yang Dikemukakan oleh responden Terhadap Dasar PPSMI	149
	4.4.1 Dasar	149
	4.4.2 Latihan Kemahiran Bahasa Inggeris	150
	4.4.3 Alat Bantuan Mengajar	151
	4.4.4 Kelengkapan Bilik/Makmal	152
	4.4.5 Sukatan Pelajaran	153
	4.5. Kesimpulan	153
V	RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	154
	5.1 Pengenalan	154
	5.2 Latar belakang Kajian	154
	5.3 Rumusan Objektif Kajian	155
	5.4 Rumusan Kaedah Pengumpulan dan Pemprosesan Data	155
	5.5 Rumusan Maklumat Latar belakang Responden	156
	5.6 Rumusan Kajian dan Perbincangan	157
	5.7. Perbincangan Hasil Dapatan	158
	5.8 Cadangan	171

5.9	Kesimpulan	176
5.10	Cadangan Kajian Lanjutan	177

BIBLIOGRAFI
LAMPIRAN
BIODATA PENULIS



BAB I

PENGENALAN

1.1 Latar belakang kajian

Dunia hari ini semakin disatukan ke dalam satu ruang ekonomi melalui perdagangan antarabangsa dan internasionalisasi budaya yang dihasilkan melalui pertambahan rangkaian globalisasi telekomunikasi. Globalisasi telah membawa perubahan yang besar dalam semua aspek kehidupan.

Dalam aspek ekonomi, perubahan meliputi amalan perdagangan bebas, syarikat-syarikat perbadanan dan pelaburan luar. Dalam aspek budaya, perubahan meliputi pergerakan manusia, barangan, dan maklumat yang merupakan refleksi kepada proses komunikasi dengan budaya Inggeris dan Amerika menjadi budaya globalisasi (Mohd Sani *et. al.* 2003).

Globalisasi telah memberi implikasi yang besar ke atas bidang pendidikan. Kursus-kursus yang tidak bernilai di pasaran semakin hilang kepentingannya. Siti Eshah Mokshein(2003) menyatakan pendidikan semakin kehilangan kedudukannya sebagai hak awam tetapi telah menjadi komoditi dagangan. Seperti yang diketahui umum, bahawa ilmu pengetahuan memainkan peranan penting dalam pendidikan khususnya

bagi bidang sains dan teknologi, dan kini seluruh dunia semakin memberi penekanan terhadap pencapaian dalam bidang Sains dan Matematik. Contohnya, kesungguhan dan kerisauan kerajaan Amerika Syarikat terhadap pencapaian dalam aspek Sains dan Matematik dimasukkan dalam *Goals 2000: Educate America Act*

Di Malaysia, kepentingan sains dan teknologi telah dinyatakan dengan jelas dalam dokumen-dokumen kerajaan seperti Falsafah Pendidikan Negara, Rukunegara dan Rancangan-rancangan Lima Tahun. Wawasan 2020 misalnya, menyatakan usaha untuk membentuk masyarakat saintifik yang progresif, inovatif dan berpandangan jauh dan tidak hanya menjadi pengguna kepada teknologi. Ia juga berusaha mendorong kearah mengimarahkan tamadun yang berasaskan teknologi dan saintifik.

Perkembangan sains dan teknologi serta cabaran-cabaran globalisasi, telah mendorong Kementerian Pelajaran Malaysia menyediakan hala tuju yang jelas yang ingin dicapai melalui agenda pendidikan. Selain menjadikan pendidikan sebagai jentera berkesan untuk memupuk perpaduan, ia juga bertujuan untuk melahirkan tenaga manusia untuk memenuhi keperluan negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperluaskan penggunaan aspek teknologi maklumat dalam bidang pendidikan. Justeru itu, Malaysia sebagai sebahagian daripada '*global village*' dan dunia

tanpa sempadan, harus mengekalkan tahap daya saing rakyatnya dalam persaingan ekonomi dunia.

Cabaran-cabaran baru ini telah memberi implikasi kepada sistem pendidikan nasional, khususnya untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berkualiti pada peringkat lepasan sekolah menengah atau universiti. Mohamed Sani *et al.*(2003) menegaskan kita perlu melahirkan pelajar yang mempunyai kepelbagaian kecerdasan mengikut konteks disamping memasukkan proses globalisasi,lokalisasi dan individualisasi dalam pendidikan.

Satu strategi yang diambil oleh Kementerian Pelajaran dalam menangani cabaran tersebut adalah dengan melakukan pembaharuan dalam pengajaran Sains dan Matematik di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya.

Bahasa Inggeris telah diakui sebagai sangat penting kerana dalam hampir semua keadaan, ia digunakan untuk penyebaran ilmu dan pengetahuan. Dalam era globalisasi ekonomi dan kerajaan yang berdaya saing, kemajuan teknologi memerlukan kita untuk memahami bahasa teknologi iaitu Bahasa Inggeris. Laporan oleh The International Federation On Documentation (FID), badan yang memantau penyebaran

maklumat melaporkan 85% dapatan Sains dan Teknologi ditulis dalam Bahasa Inggeris (Hazita Azman, 2003).

Sejajar dengan itu, pada 8 Mei 2002, kerajaan Malaysia telah mengumumkan dasar pengajaran Sains dan Matematik bagi Tahun 1, Tingkatan 1 dan Tingkatan 6 Rendah bermula Januari 2003 dalam Bahasa Inggeris. Dasar ini telah diberi tanda nama Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Polisi ini juga bertujuan membantu mengurangkan kemerosotan tahap penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Malaysia.

Penukaran bahasa pengantar daripada Bahasa Melayu ke Bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik serta penggabungan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) - memberi cabaran baru kepada guru Sains dan Matematik (GSM). Persoalannya apakah persepsi guru-guru tersebut dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dengan menggunakan Bahasa Inggeris dan pada masa yang sama menggunakan komputer dalam bilik darjah menjadi perhatian umum. Kesediaan dan keyakinan guru untuk menghadapi perubahan pengajaran ini juga penting untuk diperhatikan. Sesungguhnya setiap guru yang mengajar mata pelajaran tertentu mempunyai tanggapan, ukuran dan persepsi tersendiri terhadap sesuatu inovasi.

1.2 Pernyataan Masalah

Pendidikan adalah bidang yang sentiasa mengalami perubahan sesuai dengan keperluan negara. Perubahan dalam pendidikan boleh diertikan sebagai proses pengubahsuaian dan penyusunan semula unsur sedia ada dengan tujuan untuk memperkemas dan mempertingkatkan lagi beberapa aspek dalam pendidikan. Perubahan ini mempengaruhi persepsi para guru dalam menghadapi perubahan atau inovasi ini.

Nina Bascia *et.al.*(2000) menyatakan perspektif guru merupakan salah satu faktor yang selalu terlepas pandang oleh perancang perubahan dalam pembangunan sesuatu inovasi. Guru sebagai pelaksana perubahan mungkin mempunyai pandangan yang berbeza tentang sesuatu perubahan yang dilaksanakan secara tergesa-gesa. Beliau menekankan peri pentingnya perspektif guru sebagai maklumat dan panduan dalam merangka polisi. Perubahan itu merupakan satu bahagian yang kecil tetapi memastikan keterlibatan guru dan menjadikan mereka sebahagian dari perubahan adalah sesuatu yang jarang dilaksanakan.

Diem (1987) menjelaskan dalam menghadapi perubahan, guru-guru kehilangan 'ownership' di bilik darjah. Mereka diarah sahaja menjalankan apa yang telah dirancang oleh perancang inovasi. Ini bermaksud, guru tidak merasa terlibat dalam usaha merancang inovasi tersebut. Keadaan ini akan membawa kepada kegagalan usaha melakukan perubahan.

Katanya,

“...much of the recent educational reforms seems bent on developing teacher-proof pedagogy. They are hired hands, told what to do, when to do it, and when it is to be done. Too much of the recent educational reform prescribes in very detailed and specific ways what, when and how knowledge is to be taught. In the name of quality and excellence the current rush to reform threatens to impose a new orthodoxy on education- an orthodoxy more appropriate for an authoritarian regime than for our pluralistic democracy’.

(m.s. 11)

Perubahan pedagogi yang melibatkan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris ini telah menimbulkan pelbagai reaksi dari lapisan masyarakat. Melihat suasana demikian, pengkaji merasakan adalah perlu kajian terhadap persepsi guru-guru yang terlibat dengan PPSMI diambilkira. Pertimbangan seseorang tentang kesesuaian pelaksanaan inovasi selalu bergantung kepada persepsi seseorang. Persepsi yang positif terhadap perubahan adalah penting kerana ia akan mempengaruhi tingkah laku pengajaran guru dalam bilik darjah.

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan kerana persoalan yang wujud iaitu adakah guru-guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di sekolah menengah mempunyai pengetahuan, latihan dan kemahiran dalam bidang tersebut? Apakah persepsi guru terhadap latihan ? Apakah persepsi mereka terhadap dasar baru ini? Apakah persepsi mereka terhadap sokongan daripada pengetua berhubung dengan pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris? Adakah persepsi terhadap kemahiran mereka dalam Bahasa Inggeris mempengaruhi persepsi mereka terhadap dasar ini? Adakah terdapat perhubungan antara persepsi guru terhadap matlamat

pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris dengan faktor latar belakang responden? Satu kajian yang terperinci perlu dijalankan untuk mengetahui keadaan yang sebenarnya berlaku di sekolah.

1.3 Objektif Kajian

1.3.1 Objektif Umum

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru terhadap pelaksanaan dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Disamping itu, kajian ini juga ingin meninjau samada terdapat hubungan antara latar belakang responden dengan pelaksanaan dasar tersebut.

1.3.2 Objektif Khusus

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk:

- a. meninjau persepsi guru terhadap kemahiran Bahasa Inggeris
- b. mengetahui persepsi guru terhadap dasar dan matlamat PPSMI
- c. menilai persepsi guru terhadap pengajaran dan pembelajaran PPSMI
- d. mengetahui persepsi guru terhadap latihan PPSMI
- e. meninjau persepsi guru terhadap sokongan pengetua terhadap PPSMI
- f. mengetahui persepsi guru terhadap alat bantu mengajar dalam PPSMI.
- g. mengetahui samada terdapat hubungan antara latar belakang responden dengan persepsi terhadap matlamat pelaksanaan PPSMI.

h. mengetahui cadangan guru untuk memantapkan PPSMI

1.4 Persoalan Kajian

Berikut digariskan persoalan kajian bagi memperjelaskan lagi objektif kajian.

1. Apakah latar belakang guru-guru yang terlibat dengan PPSMI?
2. Apakah persepsi guru-guru Sains dan Matematik yang terlibat dengan PPSMI terhadap kemahiran dalam Bahasa Inggeris?
3. Apakah persepsi guru Sains dan Matematik terhadap dasar dan matlamat pelaksanaan PPSMI?
4. Apakah persepsi guru Sains dan Matematik terhadap pengajaran dan pembelajaran dalam PPSMI?
5. Apakah persepsi guru Sains dan Matematik terhadap latihan dalam pelaksanaan PPSMI?
6. Apakah persepsi guru Sains dan Matematik terhadap sokongan pengetua dalam pelaksanaan PPSMI?
7. Apakah persepsi guru Sains dan Matematik terhadap penggunaan alat bantuan mengajar dalam pelaksanaan PPSMI?
8. Adakah terdapat hubungan antara latar belakang responden dengan persepsi terhadap matlamat pelaksanaan PPSMI?
9. Apakah cadangan untuk memantapkan lagi pelaksanaan PPSMI?